

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *ENVIRONMENTAL, SOCIAL, AND GOVERNANCE (ESG)*

**INSTITUT LATIHAN JABATAN TENAGA
MANUSIA (ILJTM),
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**



VERSI 1 2024

**Disediakan oleh :
JK Induk ESG JTM**

1.0	PENGENALAN	4
1.1	Kemampanan Dalam Global Perspektif	4
1.2	Alam Sekitar (Environmental), Sosial (Social) dan Tadbir Urus (Governance) – ESG	5
1.3	Faedah ESG	8
1.4	Mengintegrasikan ESG Dalam SDG	9
2.0	INISIATIF PELAKSANAAN ESG DI ILJTM	11
2.1	Tujuan Pelaksanaan ESG	11
2.2	Pelaksanaan ESG Jangka Pendek	12
2.3	Pelaksanaan ESG Jangka Panjang	12
3.0	STRATEGI PELAKSANAAN ESG DI ILJTM	13
3.1	Jawatan Induk Pelaksanaan ESG JTM	13
3.2	Pasukan Pelaksana ESG ILJTM (PPESG)	14
4.0	KESIMPULAN	15

Istilah/ Singkatan Umum	Definisi / Penerangan
ESG	<i>Environmental, Social and Governance</i>
JTM	Jabatan Tenaga Manusia
ILJTM	Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia
PPESG	Pasukan Pelaksana ESG ILJTM
JKIP ESG JTM	Jawatankuasa Induk ESG JTM

Rajah	Tajuk Rajah
Rajah 1.1	Matlamat Global SDG
Rajah 1.2	Keterangkuman ESG
Rajah 1.3	<i>Zero Net</i> ESG
Rajah 1.4	Aspek Penilaian ESG
Rajah 1.5	Komponen ESG
Rajah 1.6	Faedah Pelaksanaan ESG
Rajah 1.7	Pemetaan ESG - SDG
Rajah 1.8	Perincian Pemetaan ESG – SDG
Rajah 3.1	Jawatankuasa Induk Pelaksanaan ESG JTM
Rajah 3.2	Pasukan Pelaksana ESG (PPESG) ILJTM

1.0 PENGENALAN

Jabatan Tenaga Manusia (JTM) telah memperkenalkan strategi korporat bagi Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance, ESG*) untuk membantu Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) menambahbaik dan meningkatkan nilai pelaksanaan program latihan TVET di JTM. Pelaksanaan ini bukan terhad untuk kakitangan ILJTM sahaja malah akan melibatkan pelajar, pembekal, kontraktor, pelanggan, komuniti setempat dan pihak berkepentingan bagi memastikan sasaran *Sustainable Development Goals (SDG)* yang disaran oleh kerajaan tercapai.

1.1 Kemampanan Dalam Global Perspektif

Transforming the world adalah agenda 2030 untuk pembangunan lestari. Pembangunan lestari ditakrifkan sebagai pembangunan yang memenuhi keperluan tanpa menjejaskan generasi akan datang.

Sustainable Development Goals (SDG) atau Matlamat Pembangunan Mampan adalah ikrar 17 matlamat global yang ditetapkan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2015.

SDG adalah sebahagian daripada Resolusi 70/1 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu “Mengubah Dunia Kita: Agenda 2030 untuk Pembangunan Mapan” yang disingkatkan kepada “Agenda 2030.

Matlamatnya adalah luas dan saling bergantung, namun masing-masing mempunyai sasaran yang berasingan untuk dicapai. SDGs meliputi isu pembangunan sosial dan ekonomi termasuk kemiskinan, kelaparan, kesihatan, pendidikan, pemanasan global, kesetaraan gender, air, sanitasi, tenaga, urbanisasi, alam sekitar dan keadilan sosial.



Rajah 1.1: Matlamat Global SDGs

1.2 Alam Sekitar (*Environmental*), Sosial (*Social*) Tadbir Urus (*Governance*) – ESG

ESG adalah singkatan dari *Environmental*, *Social*, and *Governance*. ESG adalah kerangka kerja yang digunakan untuk mengukur bagaimana organisasi bertindak balas kepada perubahan iklim; melayan pekerja mereka; membina kepercayaan dan memupuk inovasi; dan menguruskan risiko. Ini mencakupi tiga aspek utama iaitu:



Rajah 1.2: Keterangan ESG


E - Fokus kepada Alam Sekitar (*Environmental*) : bertujuan mengurangkan pencemaran, pembaziran, dan jejak karbon. Aspek ini melihat bagaimana operasi organisasi memberi kesan kepada alam sekitar, termasuk pengurusan sisa, kecekapan tenaga, penggunaan air, pencemaran, dan komitmen untuk mengurangkan kesan alam sekitar iaitu Zero Net :



Rajah 1.3: Zero Net ESG

Menggabungkan "ESG" dengan "zero net" merujuk kepada komitmen atau strategi untuk mencapai tujuan ESG dengan kesan sifar bersih, menunjukkan pendekatan komprehensif terhadap kelestarian dengan kesan negatif minimum dan sumbangan positif aktif.

S - Fokus kepada Sosial (*Social*): Menilai bagaimana organisasi menguruskan hubungan dengan kakitangan, pelanggan, pembekal, dan masyarakat. Aspek ini merangkumi:



Rajah 1.4: Aspek Penilaian Organisasi

Keseimbangan Kerja-Kehidupan: Merujuk kepada keseimbangan antara kehidupan profesional dan peribadi. Penting untuk kesejahteraan keseluruhan, mengurangkan tekanan, dan meningkatkan kualiti hidup.

Pelaburan dalam Pendidikan: Cara efektif untuk mengangkat masyarakat dari kemiskinan jangka panjang. Meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti dan peluang belajar sepanjang hidup membantu rakyat Malaysia mengembangkan keterampilan untuk pekerjaan yang lebih baik, meningkatkan pendapatan, dan keluar dari kemiskinan.

G - Fokus kepada Tadbir Urus (Governance): Mengukuhkan pentadbiran dalam sektor awam dan swasta untuk mencegah ketirisan dan salah laku, serta mengelakkan rasuah dalam transaksi dan operasi.

Pengurusan Dasar dan Peraturan: Menggunakan Pengubahan Tingkahlaku (Behavioural Insights) untuk membentuk dan mengubah dasar serta peraturan bagi memastikan pematuhan.

Tadbir Urus: Melibatkan struktur, dasar, dan amalan yang membimbing keputusan organisasi dan tingkah laku korporat. Ini merangkumi penilaian pengurusan, ketelusan, dan kepimpinan etika.

Kepentingan Tadbir Urus: Amalan tadbir urus yang baik memastikan organisasi beroperasi dengan integriti, akauntabiliti, dan keadilan, menyumbang kepada kejayaan jangka panjang.



Rajah 1.5: Komponen ESG

1.3 Faedah ESG

Antara faedah yang boleh dimanfaatkan oleh JTM dan ILJTM apabila melaksanakan ESG adalah seperti berikut:



Rajah 1.6: Faedah pelaksanaan ESG

1.4 Mengintegrasikan ESG Dalam SDGs

Organisasi yang memberi tumpuan kepada komponen kemampanan dalam menerapkan prinsip ESG dalam operasi mereka termasuk menekankan keperluan untuk mengintegrasikan ESG Dalam SDGs untuk memenuhi keperluan global.



Rajah 1.7: Pemetaan ESG - SDG

ESG	RANGKA KERJA	SDG
 Environment	Pencegahan Pencemaran & Pengurusan Sisa	✓ SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Kesejahteraan ✓ SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi ✓ SDG 11: Keberdayaan Bandar dan Komuniti ✓ SDG 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim ✓ SDG 14: Kehidupan di Bawah Air ✓ SDG 15: Kehidupan di Darat
 Environment	Pengurusan Sumber Daya Alam dan Penggunaan Tenaga yang Efisien	✓ SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi ✓ SDG 7: Tenaga Bersih dan Terjangkau ✓ SDG 9: Industri, Inovasi, dan Infrastruktur ✓ SDG 12: Konsumsi dan Produksi yang Bertanggungjawab
 Environment	Konservasi Alam/Biodiversiti (Hutan/Lautan)	✓ SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Kesejahteraan ✓ SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi ✓ SDG 11: Keberdayaan Bandar dan Komuniti ✓ SDG 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim ✓ SDG 14: Kehidupan di Bawah Air ✓ SDG 15: Kehidupan di Darat ✓ SDG 9: Industri, Inovasi, dan Infrastruktur ✓ SDG 12: Konsumsi dan Produksi yang Bertanggungjawab
 Social	Keadilan dan Kepentingan Sosial, Warisan Budaya, Agama, dan Inklusi	✓ SDG 1: Tiada Kemiskinan ✓ SDG 2: Tiada Kelaparan ✓ SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Kesejahteraan ✓ SDG 4: Pendidikan Berkualiti ✓ SDG 5: Kesenjangan Gender ✓ SDG 8: Pekerjaan yang Layak dan Pertumbuhan Ekonomi ✓ SDG 11: Keberdayaan Bandar dan Komuniti ✓ SDG 16: Perdamaian, Keadilan, dan Institusi yang Kuat
 Governance	Kepimpinan, Integriti, Kepatuhan Undang-undang, Pengurusan Risiko, dan Efisiensi Pengurusan	✓ SDG 8: Pekerjaan yang Layak dan Pertumbuhan Ekonomi ✓ SDG 9: Industri, Inovasi, dan Infrastruktur ✓ SDG 16: Perdamaian, Keadilan, dan Institusi yang Kuat ✓ SDG 12: Konsumsi dan Produksi yang Bertanggungjawab ✓ SDG 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim ✓ SDG 17: Kerjasama untuk Mencapai Tujuan

Rajah 1.8: Perincian Pemetaan ESG – SDG

2.0 INISIATIF PELAKSANAAN ESG DI ILJTM

2.1 Tujuan Pelaksanaan ESG

ESG yang di bawa oleh JTM adalah bersandarkan kepada objektif yang telah dirancang oleh Kerajaan melalui Pembangunan Malaysia MADANI mewakili **enam rukun** iaitu **M** (ke**M**ampanan), **A** (kesej**A**hteraan), **D** (**D**aya cipta), **A** (horm**A**T), **N** (keyaki**N**an) dan **I** (Ihsan) yang menjadi tonggak dalam memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera.

Tujuan pelaksanaan ESG di ILJTM adalah rangka kerja kelestarian jangka pendek dan jangka panjang jabatan bagi membawa kepada perubahan dalam pengoperasian ILJTM. Dengan mengadaptasi;

- i. Pelan Strategik JTM 2021 -2025
- ii. Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), JTM
- iii. National Energy Transition Roadmap (NETR) 2030
- iv. New Industrial Master Plan (NIMP) 2030
- v. Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021 – 2025
- vi. Pelan Pengurusan Risiko Rasuah
- vii. Kerangka Strategik Pengurusan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam Malaysia
- viii. Dasar Tenaga Negara 2022 – 2024
- ix. Pelan Tindakan Produktiviti Malaysia
- x. Ekonomi MADANI Memperkasa Rakyat
- xi. Pengurusan Alam Sekitar 2007

Dan pelbagai dasar-dasar yang telah diperkenalkan kerajaan untuk diadaptasi bagi menjayakan ESG di ILJTM.

2.2 Pelaksanaan ESG Jangka Pendek

Setiap inisiatif yang diperkenalkan oleh JTM akan menjurus kepada;

- i. Penerimaan teknologi
- ii. Pembangunan bakat masa hadapan
- iii. Pendigitalan institut;
- iv. Peraturan institut yang kondusif
- v. Penambahbaikan berterusan
- vi. Perkhidmatan yang profesional
- vii. Minda produktif di kalangan warga ILJTM.

Setiap inisiatif ESG yang akan diperkenal dan dilaksanakan oleh ILJTM perlulah dipastikan bahawa;

- i. Program sesuai dengan fungsi ILJTM dan logik serta boleh dilaksanakan secara konsisten
- ii. Program boleh dilaksanakan mengikut kemampuan dan bersandarkan kepada kemudahan dan fasiliti sedia ada
- iii. Program adalah berpaksikan pada data dan maklumat sebenar dilapangan
Program boleh diperluaskan secara aplikasi teknologi digital.

2.3 Pelaksanaan ESG Jangka Panjang

Inisiatif jangka panjang ESG yang diperkenalkan oleh JTM akan menjurus kepada:

- i. Persijilan ESG oleh SIRIM
- ii. Penilaian Kendiri eESG
- iii. Pengiktirafan dan Pertandingan
- iv. Pengukuhan jenama


3.0 STRATEGI PELAKSANAAN ESG DI ILJTM

Melaksanakan amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di ILJTM melibatkan pendekatan sistematik yang menyepadukan kemampanan dan pertimbangan etika ke dalam operasi ILJTM. Sokongan dan komitmen pengurusan atasan jabatan dan semua kakitangan amat diperlukan. Berikut adalah langkah-langkah untuk membantu melaksanakan ESG dengan berkesan:

3.1 Jawatankuasa Induk ESG JTM (JKI ESG)

Penubuhan Jawatankuasa Induk ESG JTM (JKIP ESG) diperingkat Ibupejabat JTM yang menyelaras, memantau program atau projek-projek yang dikenalpasti untuk dilaksanakan.

JAWATANKUASA INDUK ESG JTM



Rajah 3.1: Jawatankuasa Induk ESG JTM (JKIP ESG JTM)

3.2 Pasukan Pelaksana ESG (PPESG) ILJTM

Penubuhan **Pasukan Pelaksana ESG (PPESG)** yang terdiri dari pegawai-pegawai dan kakitangan ILJTM yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran melaksanakan program atau projek-projek yang dikenalpasti untuk dilaksanakan. Setiap Institut dikehendaki menubuhkan PPESG ILJTM yang terdiri dari kalangan pegawai yang bertanggungjawab;

- Mencadangkan sekurang-kurangnya satu program atau projek yang terdiri dari kategori Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang dikenalpasti boleh dan perlu dilaksanakan berdasarkan **Pelan Tindakan ESG JTM** atau cadangan dari **PPESG ILJTM**.
- Program atau projek tersebut perlu dilaporkan kemajuan pelaksanaan kepada **Jawatankuasa Induk ESG JTM (JKIP ESG)**.



Rajah 3.2: Pasukan Pelaksana ESG (PPESG) ILJTM

Pelantikan Pasukan Pelaksana ESG (PPESG) ILJTM adalah dipertanggungjawab kepada setiap Pengarah ILJTM

4.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, ESG (Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus) ialah rangka kerja yang merangkumi satu set kriteria dan prinsip yang digunakan untuk menilai dan mengukur kemampunan dan amalan etika. Ia mencerminkan pengiktirafan yang semakin meningkat terhadap kepentingan tanggungjawab alam sekitar, kesan sosial, dan tadbir urus korporat yang kuat dalam landskap operasi ILJTM hari ini. Matlamat dan perancangan yang ditetapkan mestilah boleh diukur dengan penetapan masa pelaksanaan ESG agar kemajuan dinilai dan tambah baik. Ketelusan dalam pelaporan pelaksanaan ESG adalah kunci utama keberkesanan ESG di ILJTM dengan melaporkan prestasi pelaksanaan ESG sebenar kepada pengurusan tertinggi JTM.

Oleh kerana kesedaran tentang ESG terus berkembang, ia semakin dilihat sebagai aspek asas amalan bertanggungjawab, hasrat murni, tanggungjawab sosial dan lestari.

KETUA PENGARAH

JABATAN TENAGA MANUSIA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA